

# Guna timbang tamat tempoh

*Seramai 11 peniaga durian di Raub bakal kena tindakan*

AIMAN SADIQ ABDULLAH

RAUB

**S**eramai 11 peniaga durian di daerah ini akan dikenakan kompaun kerana didapati menggunakan alat timbang dan sukat tamat tempoh.

Tindakan mereka dikecam oleh pegawai Pejabat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Cawangan Raub ketika operasi di sekitar daerah itu pada 8 dan 9 Julai lalu.

Ketua, Abdul Mubin Ahmad berkata, kesemua peniaga durian terbabit didapati melakukan kesalahan mengikut Seksyen 14(6) Akta Timbang dan Sukat 1972.

Menurutnya, kesemua mereka tidak membuat pemeriksaan alat penimbang yang digunakan dan kegagalan itu boleh menyebabkan keraguan dalam kalangan pembeli.

"Perbuatan mereka dikesan selepas KPDNHEP dan Metrology Corporation Malaysia (MCM) men-



Pegawai KPDNHEP Cawangan Raub dan MCM menjalankan operasi sekitar Sungai Ruan dan Jalan Tras Isnin serta Selasa lalu.

jalankan operasi di sekitar Sungai Ruan dan Jalan Tras.

"Sebanyak 30 gerai diperiksa dan 11 daripadanya dikesan melakukan kesalahan menggunakan timbang tamat tempoh sah.

"Jika disabitkan kesalahan, mereka boleh didenida RM40,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali," katanya kepada pemberita di sini semalam.

Abdul Mubin berkata, operasi giat dijalankan bagi memberikan penjelasan kepada masyarakat mengenai kepentingan ketepatan timbang dan sukat dalam perniagaan.

Menurutnya, orang awam juga dinasihatkan

supaya tidak mudah terpedaya dengan peniaga yang ingin mengambil kesempatan dalam urus niaga melibatkan timbangan.

"Kita turut merampas 11 alat timbangan untuk tujuan siasatan. Operasi ini akan diteruskan sehingga berakhirnya musim durian di daerah ini.

"Kepada peniaga, sila gunakan alat timbang yang telah disahkan bagi memastikan ketepatan timbangan," katanya.

Orang ramai boleh menyalurkan sebarang aduan kepada KPDNHEP antaranya menerusi 1 Malaysia One Call Centre 03-80008000 dan Pusat Informasi dan Gerakan Operasi Strategik di talian 03-88826088.